

**Lembaran Maklumat Produk – Tawarruq Perdagangan-i (TTQ-i)****LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK**

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima kemudahan Tawarruq Perdagangan-i. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan dari Bank Islam jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau syarat-syarat am.

Bank Islam Malaysia Berhad

Tawarruq Perdagangan-i (TTQ-i)

&lt;Tarikh&gt;

**1. Apakah kemudahan Tawarruq Perdagangan-i?**

- ✓ TTQ-i adalah kemudahan untuk membiayai pembelian/ pengimportan barang perdagangan di dalam negara atau antarabangsa melalui Surat Kredit-i atau Bil Berdokumen untuk Pungutan-i atau atas dasar akaun terbuka. Ini membolehkan pembayaran dan pengurusan aliran tunai yang mudah. Ia juga dapat mengatasi masalah ketidaaan aset asas dan mengelakkan kerumitan kepada pelanggan kerana aset asas telah dikenal pasti pada peringkat permulaan.
- ✓ Kemudahan ini direka khusus (tetapi tidak terhad) untuk memenuhi senario perniagaan seperti berikut:
  - a) Pembiayaan untuk penyediaan perkhidmatan (icontoh pemasangan);
  - b) Pembiayaan dengan pengeluaran kemudahan berperingkat (iaitu pembiayaan kontrak pada peringkat prakesian);
  - c) Pembiayaan aset dalam pembinaan;
  - d) Pembiayaan barang yang tidak ketara, makanan dan minuman, logistik, perisian, lukisan, pembayaran deposit serta logam berharga termasuk emas dan perak; dan
  - e) Pembiayaan pembayaran semula

**2. Apakah kontrak/ konsep Shariah yang digunakan?**

- ✓ Pembiayaan ini berlandaskan konsep Tawarruq.
- ✓ Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai.
- ✓ Konsep Tawarruq dijelaskan dengan lebih lanjut seperti dibawah:
  - a) Pelanggan membeli komoditi daripada Bank berdasarkan kontrak Murabahah pada Harga Jualan Bank. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan.
  - b) Sebagai Ejen Jualan untuk pelanggan, pihak Bank bertanggungjawab untuk menjual komoditi kepada pembeli komoditi pada harga kos. Hasil daripada urus niaga itu akan diberikan untuk kegunaan pelanggan.
  - c) Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang perlu dibayar daripada transaksi Murabahah mengikut terma-terma yang dipersetujui.

'Komoditi' bermaksud apa-apa komoditi yang diterima oleh Bank contohnya minyak kelapa sawit, resin plastik, getah, biji koko, kacang soya, kayu balak dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang diurusniagakan di mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank. Pembelian dan penjualan komoditi tersebut dibuat berdasarkan mandat yang diberikan oleh pihak pelanggan, di mana Bank sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Penjualan berurusniaga menggunakan komoditi yang sedia ada dan dibekalkan oleh pembekal komoditi tertakluk kepada polisi-polisi Bank yang terpakai."

### **3. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?**

<input checked="" type="checkbox"/> Had Kemudahan	Minimum : RM1,000 Maksimum : Sehingga 100% daripada nilai invois
<input checked="" type="checkbox"/> Tempoh	Minimum : 14 hari Maksimum : 180 hari
<input checked="" type="checkbox"/> Kadar pembiayaan Bank	Kadar Pembiayaan Asas (KPA) +/- <i>spread</i> (kadar keuntungan); atau Kos Dana (KD) +/- <i>spread</i>  Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPA ialah 5.47% setahun (setakat 1 Disember 2020) manakala <i>spread</i> (kadar keuntungan) ialah 1.5% setahun. Untuk maklumat lanjut, sila layari <a href="http://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/">www.bankislam.com/deposit-financing-rates/</a> untuk KPA terkini.</li> <li>• KD Bank Islam ialah 2.60% setahun (setakat 2 Ogos 2021) dan manakala <i>spread</i> (kadar keuntungan) ialah 1.5% setahun. Sila Pusat Panggilan dan Khidmat pelanggan kami di talian 603–26 900 900 untuk maklumat lanjut mengenai KD terkini</li> <li>• KPA, KD dan <i>spread</i> adalah tertakluk kepada kelulusan Bank.</li> <li>• Kadar Pembiayaan berdasarkan kiraan atas baki harian akan disebut oleh Bank pada hari kemudahan itu hendak digunakan berdasarkan tempoh yang diminta oleh pelanggan.</li> <li>• Kadar keuntungan kemudahan yang terdiri daripada KD/ KPA dan <i>spread</i> (kadar keuntungan) akan ditetapkan sepanjang tempoh pembiayaan seperti yang diminta oleh pelanggan.</li> </ul>

Formula pengiraan Harga Jualan dan Margin Keuntungan adalah seperti ilustrasi di bawah:

$$SP = FV \left[ 1 + \left( \frac{r \times t}{36500} \right) \right]$$

SP = Harga Jualan

FV = Nilai Pembiayaan

r = Kadar Pembiayaan

t = Tempoh Pembiayaan

**Margin Keuntungan = Harga Jualan – Nilai Pembiayaan**

Ilustrasi:

FV = RM100,000

r = 10%

t = 60 hari

$$SP = 100,000 \left[ 1 + \left( \frac{10 \times 60}{36500} \right) \right]$$

$$= RM101,643.84$$

**Margin Keuntungan = RM101,643.84 - 100,000.00**

$$= RM1,643.84$$

#### **4. Apakah tanggungjawab saya?**

- ✓ Apabila kemudahan tersebut matang, anda diminta menjelaskan Harga Jualan Bank.

#### **5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**

- ✓ Duti Setem (seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989]).
- ✓ Fi dan Komisen.
- ✓ Caj SWIFT/ Rentas
- ✓ Bayaran Pos and Perkhidmatan Kiriman Cepat (jika berkenaan)

**Nota :** Sila rujuk laman web kami di [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) untuk maklumat lebih lanjut mengenai yuran dan caj.

#### **6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

- ✓ Jika anda gagal untuk memenuhi tanggungjawab anda tepat pada masanya, tindakan yang berikut akan dikenakan :-

- **Sekiranya berlaku kemungkinan, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:**

- a. Bank boleh melalui notis bertulis kepada anda, meminta anda membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada pelanggan dan/atau penjamin;
- b. Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit dan/atau pelaburan anda yang diuruskan oleh Bank terhadap sebarang bayaran tertunggak di bawah pembiayaan ini;
- c. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Sebarang sekuriti (cagaran) yang dicagarkan kepada Bank boleh dirampas/ ditarik/ dicairkan dan anda perlu menanggung semua kos berkaitan pengurusan

sekuriti tersebut. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembayaran selepas sekuriti tersebut dicairkan/ dijual. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit masa depan yang lebih sukar atau mahal untuk anda; dan

- d. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.

▪ **Pembayaran Lewat**

Bank akan mengenakan Ta'widh (Gantirugi) ke atas pelanggan seperti berikut :-

- a. Sebelum tarikh matang kemudahan

Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas tunggakan ansuran sehingga tarikh penyelesaian penuh;

- b. Selepas tarikh matang kemudahan

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalam hari Pasaran Wang Antara Bank Islam dikira ke atas baki Pembiayaan iaitu baki Harga Jualan Bank setelah ditolak Ibra' (jika ada);

- c. Hutang selepas penghakiman

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalam hari Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

Nota : Pengenaan Ta'widh hendaklah mengikut cara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

**7. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya baki pembiayaan sebelum tarikh matang?**

✓ Rebат (Ibra') akan diberikan kepada anda ke atas penyelesaian awal atau penebusan awal kemudahan pembiayaan tersebut.

✓ Formula Rebат (Ibra'):

$$\text{Ibra}' / \text{Rebat} \text{ bagi penyelesaian awal pembiayaan} = \text{Keuntungan Tertangguh}$$

Nota:

i. Keuntungan Tertangguh = Jumlah Keuntungan Dikontrakkan – Keuntungan Terakru

ii. Jumlah Keuntungan Dikontrakkan = Harga Jualan – Harga Belian (atau Jumlah Pembiayaan)

iii. Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif ke atas baki Harga Belian (atau Jumlah Pembiayaan) yang telah dibayar/ digunakan.

iv. Bank tidak mengenakan tempoh terikat untuk pembiayaan ini dan fi tidak dikenakan bagi penyelesaian awal pembiayaan sebelum tarikh matang.

**8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

✓ Ya, anda diminta untuk mendapatkan perlindungan Takaful dari panel penyedia Takaful kami atau syarikat Takaful/ Insurans lain yang boleh diterima oleh Bank (jika berkenaan).

**9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- ✓ Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, Bank Islam mungkin memerlukan penjamin atau cagaran bagi membolehkan anda memohon.

**10. Apakah risiko utama?**

- ✓ Tiada sebarang risiko utama yang terlibat kerana pembiayaan ini berjangka pendek dan berkadar tetap sepanjang tempoh pembiayaan.

**11. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat untuk menghubungi saya?**

- ✓ Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami dengan segera jika terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat perhubungan anda bagi memastikan anda menerima semua surat tepat pada masanya.

**12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- ✓ Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran, anda perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk berbincang berkenaan dengan pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:-

***Trade Operations***

***Bank Islam Malaysia Berhad***

***13<sup>th</sup> Floor, Menara Bank Islam***

***No. 22, Jalan Perak***

***50450 Kuala Lumpur***

***Tel: 03-2782 1078/ 1089/ 1087/ 1086***

***Fax: 03-2782 1346***

Atau

***Perbankan Korporat***

***Bank Islam Malaysia Berhad***

***Tingkat 27, Menara Bank Islam***

***No 22, Jalan Perak,***

***50450 Kuala Lumpur***

***Relationship Manager: (to be filled by our RM's)***

***Tel: (to be filled by our RM's)***

***Fax: 03-2726 7818***

***Email: (to be filled by our RM's)***

Atau

***Perbankan Komersial***

***Bank Islam Malaysia Berhad***

***Tingkat 23 , Menara Bank Islam***

***No 22, Jalan Perak,***

***50450 Kuala Lumpur***

***Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)***

***Tel: (to be filled by our RM's)***

***Faks: 03-2726 7818***

***Email: (to be filled by our RM's)***

Atau

**Perbankan PKS**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 16, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur  
Relationship Manager: *(to be filled by our RM's)*  
Tel: *(to be filled by our RM's)*  
Fax: 03-2726 7818  
Email: [sme-assist@bankislam.com.my](mailto:sme-assist@bankislam.com.my)

- ✓ Untuk membuat aduan berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam  
No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: 03-26 900 900  
Fax: 03-2782 1337  
Email: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my)

- ✓ Untuk PKS, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan secara percuma perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran hutang. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6,  
Menara Bumiputra Commerce  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Tel: 603 -2616 7766  
Fax: 603 -2616 7601  
Website: [akpk.org.my](http://akpk.org.my)

- ✓ Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami terhadap soalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

**Blok D, Bank Negara Malaysia,**  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
Faks: 03-2174 1515  
Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**13. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- ✓ Sebarang maklumat lanjut mengenai produk TTQ-i, sila rujuk cawangan-cawangan kami atau hubungi:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 17, Menara Bank Islam,  
No. 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur.

Tel: 03-26 900 900

Email: [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my)

[www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

**14. Apakah pakej kemudahan perdagangan lain yang ada?**

1. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Pembelian)
2. Pembiayaan Modal Jerja Perdagangan-i (Jualan)
3. Surat Kredit-i
4. Surat Pemindahan Kredit-i
5. Jaminan Perkapalan-i
6. Jaminan Bank-i
7. Bil Terima-i (Jualan)
8. Bil Terima-i (Belian)
9. Bil Pertukaran Belian-i
10. Bil Berdokumen untuk Pungutan-i
11. Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i
12. Surat Kredit Persediaan-i

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

Nota:

1. Perkara di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keuntungan dan/ atau caj mungkin berbeza dan tertakluk pada terma dan syarat Bank Islam.
2. Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah dari 09/06/2022.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....  
Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: